

# Takaful untuk pendidikan anak anda

**ANAK** adalah amanah Allah dan tanggungjawab mendidik merupakan salah satu tanggungjawab utama kepada ibu bapa. Kepentingan memberikan pendidikan kepada anak-anak adalah perkara yang penting dan tidak sesekali boleh dipandang ringan.

Seperti kita sedia maklum, kos pendidikan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Sebagai ibu bapa kita perlu merancang kewangan dengan teliti agar mampu menyediakan pendidikan yang diinginkan untuk anak-anak seperti melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi atau menghantar mereka untuk belajar ke luar negara.


Sewajarnya langkah awal perlu dilakukan untuk menyediakan sumber kewangan yang secukupnya bagi memberikan peluang pendidikan yang terbaik kepada setiap orang anak tidak kira peluang untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat akademik ataupun bidang kemahiran. Takaful merupakan jalan penyelesaian yang tepat untuk tujuan pendidikan mereka.

Ramai yang tidak sedar bahawa pelan takaful pendidikan adalah umpama penyelamat kepada keperluan anak-anak ini untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya terutama sekali ketika ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pemilikan takaful akan memberikan lebih akses kepada sumber kewangan yang diperlukan untuk tujuan pendidikan ini kelak.

Pelan takaful pendidikan berkaitan pelaburan mempunyai pelbagai manfaat perlindungan tambahan di samping aspek pelaburan yang dititikberatkan. Pelan seperti ini merangkumi pelaburan untuk tujuan membina dana pendidikan.

Manakala elemen perlindungan memberikan anak anda pilihan perlindungan yang lebih menyeluruh dengan adanya manfaat tambahan atau lebih dikenali sebagai *rider* atau penunggang yang ditawarkan mengikut pilihan pemilik pelan takaful.

Dengan memiliki pelan takaful pendidikan berkaitan pelaburan, dua aspek penting



## Pemilikan takaful akan memberikan lebih akses kepada sumber kewangan yang diperlukan untuk tujuan pendidikan ini kelak.

dalam kehidupan anak-anak dapat diselesaikan iaitu untuk tabungan pendidikan masa depan dan perlindungan tambahan seperti perubatan atau penyakit kritikal untuk seseorang anak mengikut manfaat tambahan atau *rider* yang disebutkan tadi.

Ini berbeza dengan simpanan atau tabungan biasa yang mana elemen perlindungan tidak dapat dinikmati oleh pemilik atau penyumbang tabungan tersebut. Topik ini akan dikupas dengan lebih lanjut apabila kita menyentuh aspek perlindungan dalam pelan takaful.

Kita sudah maklum bahawa dana pendidikan tidak dapat dikumpul dalam masa satu hari. Oleh itu melalui pelan takaful berkaitan pelaburan, sebahagian sumbangan yang diterima daripada pemegang sijil akan dilaburkan.

Pulangan daripada pelaburan inilah yang akan dimasukkan semula untuk pertambahan dana pendidikan terbabit. Inilah yang seperti selalu diperkatakan bagaimana wang mampu bekerja untuk anda dan sudah pasti dapat meningkatkan lagi jumlah dana pendidikan tersebut.

Pelan takaful pendidikan sememangnya mempunyai elemen fleksibiliti yang mana pemilik pelan turut boleh memilih jenis dana pelaburan, mengubah jumlah caruman

atau jumlah perlindungan, menambah pelaburan apabila anda mampu malah mengeluarkan sejumlah wang apabila diperlukan. Ini sudah pasti memberikan pilihan dan turut menjamin masa depan pendidikan anak anda.

Beralih kepada aspek perlindungan pula, seseorang anak yang memiliki pelan takaful pendidikan akan mempunyai perlindungan takaful perubatan mengikut manfaat tambahan yang dipilih. Perlindungan ini merangkumi perlindungan perubatan, kemasukan hospital, perlindungan awal penyakit dan berbagai lagi.

Sebagai contoh, dengan pemilikan manfaat tambahan yang melindungi penyumbang, pelan takaful tersebut akan terus aktif walaupun ibu bapa atau penjaga tidak lagi mampu meneruskan sumbangan akibat menghidap penyakit kritikal, hilang upaya kekal atau pun meninggal dunia.

Terdapat pelbagai lagi pilihan *rider* yang pastinya membantu pemilik dan penyumbang pelan tersebut.

Pemilihan *rider* takaful adalah penting untuk memastikan pelan terbabit terus aktif dan mampu melindungi kedua-duanya iaitu anak daripada aspek kesihatan, manakala untuk ibu bapa atau penjaga selaku penyumbang kepada pelan terbabit.

Ada juga pengendali takaful turut memberikan insentif berbentuk wang ke atas pencapaian cemerlang akademik anak-anak yang memiliki pelan ini. Sudah pasti keputusan awal untuk memiliki pelan takaful pendidikan untuk setiap anak adalah satu langkah bijak dan proaktif dalam menyediakan anak-anak untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh menghalang impian mereka ke menara gading.

Pemilikan pelan takaful pendidikan sebenarnya adalah peluang menyediakan akses dana pendidikan kepada anak anda apabila tiba masanya walaupun ketika itu anda tiada lagi di sisi mereka.

**PENULIS** adalah Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad.